



# Tiga isu tumpuan bahas

Sumber: BERNAMA

SALWANI MD ZAIN

SHAH ALAM- Isu perpaduan Melayu, masalah ekonomi, dan persiapan parti menuju ke PRU14 antara agenda yang dijangka dibahaskan pada Perhimpunan Agung Umno ke-71, hari ini.

Penganalisis Politik dari Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Ahmad Martadha Mohamed berpendapat, perpaduan Melayu terutama kerjasama Pas dan Umno atas nama perpaduan ummah juga dijangka menjadi perhatian.

"Sudah pasti akan ada perwakilan yang akan bahaskan hal ini supaya kerjasama Pas dan Umno jadi lebih formal, apatah lagi ketika ini Pas sudah tidak seiring dengan komponen pembangkang yang lain," katanya.

Beliau berkata, isu perpaduan menjadi keutamaan kerana ia adalah agenda penting bagi memastikan Umno terus dominan dalam BN.

"Saling berkaitan dengan isu perpaduan adalah soal pemilihan calon untuk PRU14.

Kriteria peletakan calon pasti akan dibahaskan, kerana isu ini selalu menjadi duri dalam daging kepada parti keramat Melayu itu da-



lam beberapa pilihan raya lepas.

"Sekiranya tidak ditangani, usaha Umno terutama dalam memastikan kemenangan terhadap kerusi-kerusi yang mereka menang akan terbantut," katanya.

Selain itu, beliau berpendapat, isu peremajaan Umno juga akan dibahaskan di samping menyediakan lebih peluang kepada calon muda dan wanita.

"Umno antara parti yang kurang meletakkan calon muda dan wanita, justeru dalam memastikan kekal relevan, dan menjadi pilihan generasi Y, peluang untuk golongan muda perlu diberi perhatian," katanya.

Ahmad berkata, isu pengangguran juga akan diangkat perwakilan memandangkan kadar pengangguran dalam kalangan Melayu Bumiputera semakin meningkat.

"Isu-isu serius seperti ini dijangka akan mendapat perhatian dan perlu ada usaha-usaha yang dibuat oleh kepimpinan Umno bagi memastikan sokongan dan ke-

yakinan generasi Y terhadap Umno," katanya.

Dalam isu ekonomi pula, beliau berkata, bantuan serta usaha membantu menangani kos sara hidup masyarakat Melayu terutama di luar bandar juga akan turut dibahaskan.

Sementara itu, seorang lagi penganalisis politik dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohd Izani Mohd Zair berkata, Perhimpunan Agung Umno kali ini perlu lebih fokus tentang kekuatan parti, bukannya kelemahan pihak lawan.

"Pastinya isu yang difokuskan adalah persiapan menghadapi PRU, dari segi calon dan persiapan jentera," katanya.

Jelas Mohd Izani, memandangkan Umno adalah parti tunjang kepada kerajaan, isu-isu nasional yang melibatkan kepentingan rakyat juga akan dibahaskan.

"Paling utama isu ekonomi, dan pendidikan. Untuk mengekalkan sokongan, Umno perlu lebih serius membincangkan tentang sokongan anak muda dan bagaimana memanfaatkan teknologi dan data raya untuk kepentingan parti pada masa hadapan," katanya.



## SEJARAH PENUBUHAN UMNO



### JANUARI 1946

Kerajaan British mengeluarkan kertas Putih mengenai penubuhan Malayan Union yang berhasrat mahu menghapuskan hak Raja-raja Melayu dan membuka kerakyatan kepada orang asing dengan syarat yang mudah



### 3 JANUARI 1946

Pergerakan Melayu Semenanjung Johor ditubuhkan untuk menentang Malayan Union



### 4 MAC 1946

Pergerakan Melayu Semenanjung Johor menganjurkan Kongres Melayu di Kelab Sultan Sulaiman Kampung Baru, Kuala Lumpur. Disertai oleh 41 buah pertubuhan Melayu di seluruh Tanah Melayu dan Singapura. Memutuskan untuk menubuhkan satu badan bagi mewakili orang-orang Melayu menentang Malayan Union



### 25 OGOS 1949

Perhimpunan Agung Kaum Ibu UMNO diadakan di Butterworth, satu badan yang dikenali sebagai Badan Ahli-ahli Perempuan UMNO telah diwujudkan dan Cik Putih Mariah Ibrahim Rashid telah dipilih sebagai Ketua. Mengikuti Pindaan Perlembagaan 1971, nama badan tersebut ditukar kepada Pergerakan Wanita



### DATUK ONN JAAFAR

Dipilih sebagai Yang Dipertua (kini Presiden) pertama

### 11 & 12 MEI 1946

Kongres Melayu ketiga diadakan di Istana Besar, Johor Bahru. Dalam Kongres ini Piagam UMNO telah diluluskan dan lahirlah Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR) atau United Malays National Organization (UMNO)

### DATUK PANGLIMA BUKIT GANTANG ABDUL WAHAB TOH MUDA ABDUL AZIZ

Sebagai Setiausaha Agung menetapkan corak bendera UMNO

### TUJUAN ASAL PENUBUHAN

- Kelangsungan bangsa Melayu
- Menentang penubuhan Malayan Union



### 26 OGOS 1949

Persidangan Agung wakil-wakil Pemuda di Butterworth telah melantik Kapten Hussein Onn sebagai Ketua Pemuda. Mengikuti Pindaan Perlembagaan 1955, ia di namakan Pergerakan Pemuda. Keputusan untuk menubuhkan sebuah Pergerakan Pemuda sebenarnya telah ditetapkan di dalam Undang-undang tubuh UMNO yang diluluskan pada 29 Mei 1946

### 10 JULAI 2000

Penubuhan Puteri UMNO dipersetujui secara prinsip oleh Majlis Tertinggi (MT) pada 10 Julai 2000, dan 16 Oktober tahun yang sama MT bersetuju secara rasmi menubuhkan Puteri UMNO sebagai sayap pergerakan, bertujuan untuk menarik lebih ramai golongan wanita muda menyertai UMNO

Pada 9 April 2001, Puteri UMNO dengan rasminya diperkenalkan kepada umum. Datuk Seri Azalina Othman Said dilantik menjadi Ketua Penaja

